

Pelaksanaan dasar secara berkesan

DR HISHAMUDDIN MOHD HASHIM
& DR HANIFF ZAINAL ABIDIN

Perancangan merupakan satu faktor kejayaan kritikal bagi pelaksanaan sesuatu dasar. Menerusi perancangan secara rapi dan komprehensif, pelaksanaan dasar dapat dilakukan dengan berkesan demi mencapai hasrat rakyat. Lantaran itu, terdapat pepatah Inggeris yang sering diungkapkan untuk menekankan peri pentingnya perancangan ini iaitu: *If you fail to plan, you plan to fail*. Perancangan dasar perlu mengambil kira beberapa pendekatan penting bagi memastikan sesuatu dasar dapat dibentuk dan dibangunkan secara holistik dan inklusif.

Pembentukan kitaran dasar awam secara umumnya terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu (i) menentukan isu dan masalah utama, (ii) mengetahui dan memahami persepsi rakyat terhadap masalah yang dihadapi dan (iii) pembentukan agenda sesuatu dasar.

(i) Mengetahui dan memahami persepsi rakyat terhadap masalah yang dihadapi dan (iii) pembentukan agenda sesuatu dasar.

Ketidakupayaan untuk menentukan punca utama sesuatu masalah dan hanya mengenal pasti gejala terhadap masalah tersebut menyebabkan dasar yang digubal gagal menyelesaikan masalah. Pengenalpastian masalah ini perlu mencakupi isu-isu semasa yang dihadapi dan yang dijangka berlaku pada masa akan datang.

(ii) Dalam memahami persepsi rakyat terhadap sesuatu masalah, Kerajaan memerlukan satu communication plan yang holistik untuk menentukan dan mentafsir persepsi rakyat atau golongan sasaran mengenai sesuatu masalah yang dihadapi. Ia perlu mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan rakyat seperti alam sekitar, pengangkutan awam, kemudahan kesihatan, urusan kerajaan, peluang pekerjaan, kos sara hidup, kualiti hidup dan sebagainya.

Teknik komunikasi yang berkesan seperti sesi dialog dan perbincangan dengan kumpulan tertentu boleh dilaksanakan, terutamanya kepada golongan yang mempunyai pengaruh kuat dalam pembentukan dasar. Jika kita me-

lihat kepada kaedah perancangan dasar Transformasi Nasional 2050 (TN50), kaedah *bottom-up* iaitu mengadakan dialog perdana dengan pelbagai golongan, khususnya generasi muda merupakan satu pendekatan yang amat berkesan dalam memahami persepsi golongan berkepentingan.

(iii) Pembentukan agenda perlu diperhalusi kerana jika pentadbir cenderung untuk membentuk agenda menggunakan pendekatan *top-down*, konsekuensinya ialah kemungkinan pembentukan agenda tersebut tidak selari dengan keperluan rakyat. Kecenderungan ini boleh berlaku kerana proses pendekatan *bottom-up* sebenarnya rumit dan memakan masa yang lama.

Dalam proses pembentukan agenda ini, masalah dan alternatif penyelesaian perlu diperhalusi dan dianalisis oleh golongan pentadbir dan penjawat awam. Mereka perlu memastikan bahawa semua masalah utama telah dikenal pasti dan agenda yang dibangunkan dapat menangani masalah ini. Kaedah yang terbaik untuk membentuk agenda ini juga perlu mendapat

pandangan rakyat dan golongan berkepentingan melalui proses konsultasi awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa mempromosikan kepentingan pembentukan dasar yang holistik dengan berteraskan piawai antarabangsa. Bagi memastikan modal insan perkhidmatan awam mempunyai ilmu dan pendedahan yang terkini, pelbagai program latihan telah dibentuk bagi membolehkan penjawat awam meningkatkan kebolehan secara komprehensif dalam merancang, menyediakan dan melaksanakan dasar selari dengan saranan Kerajaan. Dalam usaha meningkatkan kualiti pembentukan dasar dan perundangan negara, Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013 bertajuk Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan menjadi garis panduan kepada sektor awam.

Program latihan terkini yang dibentuk oleh Institut Tadbiran Awam Negara berdasarkan proses analisis keperluan latihan ialah *Masterclass in Public Policy*. Program pembelajaran ini menekankan kepentingan menggunakan strate-

gic tools dan kaedah analisis dasar yang terbaik selari dengan piawai Kesatuan Eropah. Program latihan ini mempunyai inti pati penting dalam memastikan semua penjawat mempunyai kebolehan dan inovasi dalam menggubal dasar awam, selari dengan pembentukan agenda TN50 yang sedang diperhebat oleh Kerajaan pada ketika ini.

Kebolehan dan kompetensi penjawat awam sangat diperlukan bagi membantu Kerajaan memastikan sesuatu dasar dan peraturan baharu dapat dirancang sempurna dengan objektif yang jelas, menimbangkan alternatif penyelesaian terbaik, dan mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan. Sememangnya perancangan dan penggubalan dasar yang efisien akan menyumbang kepada kestabilan dan perpaduan negara, menggerakkan kemajuan negara ke mercu lebih tinggi, seterusnya membawa kesejahteraan kepada rakyat.

*Dr Hishamuddin Mohd Hashim, Ketua Kluster dan Dr Haniff Zainal Abidin, Timbalan Ketua Kluster, Pengajian Dasar Awam dan Governan, Intan